

## Prinsip Pembinaan Kubur Menurut Syariat Islam Tomb Building According to Islamic Rules

MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM  
ABDUL BASIR MOHAMAD

### ABSTRAK

*Artikel ini cuba meneliti tentang beberapa isu berkaitan dengan hukum-hakam perkuburan dalam Islam, terutamanya mengenai bagaimana keadaan kubur itu sendiri seharusnya terbentuk agar selaras dan tidak terkeluar daripada kehendak Islam. Tulisan ini menggunakan metode kepustakaan untuk memaparkan pendapat para ulama dalam isu-isu yang dibincangkan dengan membawakan dalil-dalil yang menjadi sandaran kepada pandangan dan pendapat mereka. Tulisan ini akhirnya membuat kesimpulan pada setiap isu yang dibincangkan dengan merumuskan hukum berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan.*

*Kata Kunci:* kubur, wakaf, tanah persendirian, undang-undang Islam, hukum hakam

### ABSTRACT

*This article attempts to examine the various issues related to the tombs in Islam, especially about how the tomb itself should be formed in line and is not out of the requirements of Islam. This article prepared by using the library research method to show the views and opinions of the scholars in the issues discussed, by bringing the evidences and proofs to support those views and opinions. This article, finally concluded on every issue discussed by formulating the judicial ruling based on the evidences and proofs presented.*

*Keywords:* tomb, donation, private land, Islamic law, laws

### PENGENALAN

Umat Islam diperintahkan untuk mematuhi segala perintah dan arahan Allah SWT serta meninggalkan segala larangan-Nya dalam semua perkara dan dalam semua bidang kehidupan. Ini kerana makna ‘Islam’ ialah menyerahkan diri kepada Allah SWT dan mematuhi serta mentaati segala arahan yang datang daripada-Nya dalam semua bidang kehidupan. Kepatuhan tersebut hendaklah berlaku sama ada daripada individu Muslim itu sendiri bahkan daripada pihak lain yang melibatkan individu itu, seperti semasa dilahirkan, dibesarkan dan apabila berlaku kematian, iaitu semasa dikebumikan dan selepas dikebumikan. Oleh itu, perbincangan tentang masalah perkuburan adalah isu yang relevan dengan kehidupan manusia sebagai seorang Muslim yang seharusnya sentiasa dikaitkan dengan perintah dan arahan serta larangan Allah SWT.

### KADAR PENINGGIAN KUBUR YANG DIBENARKAN

Para fuqaha empat mazhab iaitu mazhab Hanafi (al-Musili t.th.: 96; al-Zaila'i 1314H: 246; Ibn Nujaym

1413H: 209), Maliki (Ibn Juzayy t.th.: 66), Shafii (al-Shafii t.th.: 1/463; al-Khatib t.th.: 9) dan Hanbali (Ibn Qudamah 1406: 435) bersepakat bahawa meninggikan kubur hanya disunatkan sekadar sejengkal tangan orang lelaki dewasa sahaja. Sesetengah ulama mazhab Hanafi (al-Musili t.th.: 96; Fakhr al-Din 1314H: 246; Ibn Nujaym 1413H: 209) menjelaskan bahawa jika lebih sedikit atau kurang daripada sejengkal adalah diharuskan. Terdapat juga dalam kalangan mereka mengatakan kadar sejengkal itu bermaksud empat jari lelaki dewasa sahaja dan tidak lebih daripada itu (Uthman ibn Muhammad 1300H: 148). Manakala Ibn Hajar (t.th.: 322) pula berpendapat bahawa sesebuah kubur boleh ditinggikan dari tanah, namun ketinggian tersebut tidaklah keterlaluan tingginya sehingga membawa kepada fitnah.

Dalil pandangan mereka ini adalah seperti berikut:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Jabir ibn Abdillah, beliau berkata bahawa terdapat pada kubur Nabi SAW liang lahad dan kubur baginda telah ditinggikan sedikit oleh para sahabat ra sekadar sejengkal sahaja (al-Fatawa al-Hindiyyah t.th.: 2/ 148). Daripada apa yang dinyatakan oleh Jabir di atas, jelas bahawa para sahabat Nabi SAW tidak

berlebih-lebih dalam meninggikan kubur Nabi SAW yang merupakan kekasih Allah SWT dan perbuatan tersebut tidak langsung menimbulkan kemarahan para sahabat Nabi SAW yang lain, bahkan mereka akur dengan perbuatan tersebut sehingga ia dikira sebagai ijmak sahabat (Abdullah ibn Umar 2005: 147).

Terdapat juga riwayat lain menunjukkan seorang sahabat Nabi SAW yang bernama Saad ibn Abi Waqqas pernah mewasiatkan ketika dia sedang sakit tenat agar kuburnya digali seperti yang dilakukan ke atas kubur Nabi SAW.

Maksudnya: Daripada Saad ibn Abi Waqqas berkata: Pastikanlah kubur ku mempunyai liang lahad dan simbahlah ke atas jasad ku tanah yang bercampur air seperti yang dilakukan kepada Rasulullah SAW.

Jika sedemikian hal kubur Rasulullah SAW yang dilakukan oleh para sahabat semasa kewafatan baginda SAW maka apakah lagi kubur pembesar-pembesar negara yang lebih rendah martabat mereka daripada Nabi SAW juga tidak sepatutnya kubur mereka ditinggikan apakah lagi jika untuk bermegah-megah dengan kebesaran kubur yang dibina.

## 2. Berdasarkan riwayat al-Qasim ibn Muhammad:

Maksudnya: Daripada al-Qasim katanya: aku telah bertemu dengan Aishah r.a. dan bertanyakan kepadanya: Wahai Ibuku (Ummu al-Mukminin). Tunjukkan kepadaku keadaan kubur Nabi SAW dan dua orang sahabat baginda SAW, lantas Aishah r.a. pun menunjukkan ketiga-tiga kubur itu kepadaku. Ia adalah kubur yang tidak tinggi, tidak terlalu rendah, tetapi rata dan berada dalam ruang yang berwarna merah.

## 3. Athar para ulama salaf yang antaranya ialah:

- Imran ibn al-Husayn, beliau pernah mewasiatkan agar kuburnya ditinggikan sedikit daripada paras tanah dan ketinggian tersebut tidak melebihi empat jari seperti yang dibenarkan (Ibn al-Athir 1990: 281).
- Abdullah ibn Abu Bakr berkata, aku pernah melihat kubur Uthman ibn Mazun agak sedikit tinggi dari permukaan bumi.

## PENAMBAHAN TANAH

Para fuqaha daripada empat mazhab bersepakat bahawa adalah sunat sesebuah kubur itu tidak ditambah tanah di atasnya selain daripada tanah yang digali pada asalnya (Abdullah ibn Umar 2005: 149).

Cuma mereka berselisih pandangan terhadap hukum menambah tanah selain daripada tanah kubur; adakah ia sampai ke peringkat makruh atau haram?

Ibn Hazm al-Zahiri (t.th.: 133) mengeluarkan satu-satunya pendapat yang menganggap tambahan tanah di atas kubur selain daripada tanah yang telah digali adalah haram, berdasarkan kepada zahir hadis Jabir ibn Abdillah di bawah yang secara terang menjelaskan larangan tegas Nabi SAW terhadap pembinaan dan penambahan tanah kubur selain yang digali. Selain itu, sesetengah ulama mazhab Shafii (al-Shafii t.th.: 463) berpendapat bahawa hal sedemikian iaitu menambah tanah selain daripada tanah yang digali hukumnya tidaklah makruh, bahkan hanya sunnah jika tidak melakukannya. Manakala ulama mazhab Hanafi (al-Samarqandi 1414: 256), Hanbali (Ibn Muflīh al-Maqdisi 1405H: 270) dan Maliki (al-Fasi t.th.: 263) pula berpendapat amalan tersebut hukumnya adalah makruh.

Terdapat sesetengah ulama mazhab Hanbali berpendapat menambah tanah selain yang digali adalah diharuskan jika ia amat diperlukan. Jika tidak, hukumnya adalah makruh (al-Fasi t.th.: 263.) Terdapat sesetengah ulama mazhab Hanafi, antaranya Ibn Abidin berpendapat bahawa menambah tanah selain daripada tanah yang digali, hukumnya adalah *karahah tahrimiyah* (Ibn Abidin 1399H: 367). Pandangan ketiga-tiga mazhab di atas yang memakruhkan penambahan tanah kubur selain daripada yang digali berdasarkan hadis Jabir ibn Abdillah ra seperti berikut:

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Sulayman ibn Musa dan Abu al-Zubayr daripada Jabir, katanya: Nabi SAW melarang pembinaan di atas kubur ataupun menambah sesuatu (tanah selain yang digali atau sesuatu yang tinggi atau panjang dari sifat jenazah yang asal) di atasnya ataupun membentuk kubur tersebut. Sulayman ibn Musa menambah ‘ataupun ditulis sesuatu di atas kubur tersebut.’

Jumhur ulama menegaskan bahawa maksud daripada larangan menambah tanah selain yang digali pada hadis di atas adalah makruh, ini kerana ia akan menjadikan kubur tersebut kelihatan tinggi dari permukaan bumi (al-Nawawi 1998: 5/264). Selain itu, perbuatan tersebut juga seakan-akan menyerupai pembinaan di atas kubur walaupun ia hanya merupakan tambahan tanah (al-Haskafi 1390H: 236). Rentetan daripada hadis di atas juga, golongan ini berpendapat sekiranya tambahan atas kubur melampaui batas yang telah ditetapkan oleh syarak – iaitu setinggi empat jari (tapak tangan) -

sehingga menjadi bangunan dan seumpamanya maka hukumnya adalah haram.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa menambah tanah selain daripada tanah kubur yang digali hukumnya harus jika terdapat keperluan seperti untuk mengelakkannya daripada mendap dan seumpamanya. Jika tambahan tersebut hanya semata-mata untuk mencantikkan kubur tanpa sebarang keperluan, maka hukumnya adalah makruh yang hampir dengan haram (Abdullah ibn Umar 2005: 185). Hukum melakukan hal sedemikian lebih keras iaitu haram jika ia bertujuan untuk bermegah-megah dengan pembinaan atas kubur tersebut (Abdullah ibn Umar 2005: 185).

#### MENINGGIKAN KUBUR MELEBIHI KADAR YANG DISYARIATKAN

Jumhur ulama yang dipelopori oleh ulama mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki berpendapat bahawa penambahan ketinggian dan kelebaran kubur lebih daripada yang disyariatkan hukumnya adalah haram. Hal ini berdasarkan kepada dalil-dalil berikut:

##### 1. Hadis Thumamah ibn Shufayy:

Maksudnya: Daripada Thumamah ibn Shufayy, telah disampaikan berita kepadanya sebagai berkata: Suatu hari kami bersama Fadalah ibn Ubayd di tanah Rom dekat dengan Rudis, dan pada ketika itu salah seorang sahabat kami telah meninggal dunia. Maka Fadalah ibn Ubayd ra telah mengarahkan kami agar meratakan tanah kubur sahabat yang meninggal dunia itu dan beliau berkata: ‘Sesungguhnya kami telah mendengar Nabi SAW mengarahkan agar tanah kubur diratakan.’

Al-Nawawi (1994: 2/666) mentafsirkan hadis ini dengan menjelaskan bahawa meninggikan kubur hanya dibenarkan setinggi empat jari sahaja dan tidak lebih daripada itu dan ia merupakan pandangan yang kuat dalam mazhab Shaf'i. Walau bagaimanapun, meratakan tanah perkuburan adalah yang terbaik dan afdal.

##### 2. Hadis Abu al-Hayyaj al-Asadi:

Maksudnya: Daripada Abu al-Hayyaj al-Asadi katanya: Ali ibn Abi Talib pernah berkata kepada aku: Hendakkah kamu mendengar satu perutusan yang telah disampaikan kepada ku oleh Rasulullah SAW? Iaitu janganlah engkau meninggalkan sebarang berhala melainkan engkau pecahkannya, dan tidak engkau melihat kubur yang ditinggikan kecuali engkau ratakannya.

Daripada hadis ini, al-Shawkani (t.th.: 131) berpendapat bahawa meninggi dan membesarkan kawasan kubur secara berlebihan daripada kadar yang dibenarkan oleh para sahabat dan fuqaha, iaitu lebih daripada kadar tapak tangan adalah haram hukumnya. Hal ini adalah kerana ia bercanggah dengan sunnah Nabi SAW dan sunnah para sahabat ra selepas baginda SAW.

3. Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan r.a. berkata: Sesungguhnya meratakan kubur adalah sunnah, manakala bangsa Yahudi dan Nasrani suka meninggi dan membanggakan kubur yang besar dan tinggi, maka janganlah kamu semua menyerupai mereka (al-Tabarani t.th.: 352).
4. Uthman ibn Affan r.a. mengarahkan agar kubur diratakan dan jika hendak ditinggikan jangan melebihi sejengkal (Ibn Hazm t.th.: 133).

#### MEMBINA BANGUNAN DI ATAS KUBUR

Ulama fiqah berbeza pandangan dalam hal ini. Ia adalah seperti berikut:

1. Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa hukum membina sesuatu di atas kubur secara umumnya adalah makruh (al-Samarqandi 1414H: 256). Tetapi jika binaan tersebut bertujuan untuk bermegah-megah dengan kehebatan, kekayaan dan kemasyhuran seseorang, maka hukumnya adalah haram (Abdullah ibn Umar 2005: 186). Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil daripada ulama mazhab ini berpendapat bahawa terdapat pengecualian terhadap hukum larangan membina sebarang binaan sekiranya jenazah tersebut seorang ulama terkenal atau salah seorang daripada pembesar-pembesar negara (Ibn Abidin 1399H: 237).
2. Ulama mazhab Maliki pula telah memperincikan hukum membina sebarang binaan di atas kubur seperti berikut:
  - i. Harus melakukan binaan di atas kubur sekiranya binaan tersebut tidak keterlaluan tinggi dan besarnya. Kadar yang ditetapkan mestilah tidak melebihi empat atau lima jari. Hal yang sama juga jika ia dibina bertujuan untuk memisahkan antara kubur keluarganya dengan orang lain (al-Hattab 1412H: 245).
  - ii. Haram jika ia dibina untuk menandakan kemegahan dan bertujuan untuk dipuja oleh orang lain (al-Hattab 1412H: 245).

- iii. Makruh jika binaan di atas kubur tersebut tidak langsung bertujuan untuk bermegah-megah dan sebagainya (al-Hattab 1412H: 245). Ini merupakan pandangan peribadi Ibn Qassar al-Maliki (Ibn Juzayy 1994: 107). Namun begitu, perlu diingatkan bahawa hukum makruh yang dimaksudkan itu hanya diperuntukkan untuk tanah perkuburan persendirian atau tanah perkuburan yang dimiliki bersama dengan mendapat keizinan terlebih dahulu daripada pemilik bersama. Walau bagaimanapun, keizinan itu wajib disusuli dengan syarat utama iaitu tidak memudaratkan kubur-kubur lain di sekelilingnya. Sekiranya tanah kubur itu merupakan tanah wakaf untuk semua peringkat umat Islam, maka hukumnya adalah haram tanpa mengira darjat si mati. Selain itu, mazhab ini juga menegaskan bahawa sekiranya terdapat sesiapa yang melakukan sebarang pembinaan di atas kubur tanpa menghiraukan syarat-syarat yang ditetapkan, ia wajib dipecah oleh pemimpin hingga kembali kepada asal tanpa sebarang pengecualian (al-Hattab 1412H: 246).
- 3. Ulama mazhab Shafii membahagikan hukum pembinaan di atas kubur kepada dua keadaan berikut:
  - i. Tanah Persendirian: Jika ia dilakukan atas tanah persendirian, maka hukumnya adalah makruh dan tidak perlu dimusnahkan atau diruntuhkan oleh pemimpin.
  - ii. Tanah wakaf: Sekiranya ia dibina di atas tanah wakaf maka hukumnya adalah haram tanpa khilaf. Jika terdapat golongan yang melakukannya tanpa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka adalah menjadi kewajipan ke atas pemimpin untuk meruntuhkan binaan tersebut bagi memelihara maslahat umum dan kubur-kubur lain (al-Nawawi 1998: 5/266).
- 4. Ulama mazhab Hanbali pula berpendapat membina sesuatu di atas tanah kubur milik persendirian adalah makruh dalam semua keadaan, termasuklah membina kubah di atas kubur dan seumpamanya. Jika ia dilakukan di atas kawasan tanah perkuburan wakaf, maka hukumnya adalah haram sama sekali (Ibn Qudamah 1406H: 464).

Pandangan yang kuat dalam masalah ini ialah pandangan yang menyatakan makruh *tahrīm*. Ini

bertujuan untuk menghindarkan umat Islam dari sifat suka bermegah-megah dengan binaan di atas kubur sehingga mendatangkan mudarat ke atas harta yang sepatutnya menjadi hak milik ahli-ahli waris dan sebagainya. Selain itu, perbuatan tersebut juga boleh melahirkan kepercayaan yang salah terhadap generasi akan datang. Maka kaedah *sadd al-dhara'i'* (سد الذرائع) lebih relevan untuk diaplikasikan dalam hal ini (Abdullah ibn Umar 2005: 191).

#### MEMBINA KUBAH, ATAP DAN TIANG DI SEKELILING KUBUR

Ulama mazhab Shafii (al-Nawawi 1998: 5/266), Hanbali (Ibn Qudamah 1406H: 3/439) dan Hanafi (Ibn Abidin 1399H: 2/238) bersepakat bahawa membuat kubah, tiang dan khemah di atas kubur adalah makruh *tahrīm* sama seperti hukum membina sesuatu di atas kubur yang berada di atas tanah persendirian (Abdullah ibn Umar 2005: 194), dan mereka bersepakat jika di atas tanah wakaf hukumnya adalah haram (Abdullah ibn Umar 2005: 194).

#### MEMBINA KUBUR DALAM KAWASAN MASJID ATAU SURAU

Ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa kubur di dalam kawasan masjid atau di dalam masjid hukumnya makruh (al-Hattab 1412H: 239). Manakala fuqaha mazhab Hanbali pula mengharamkan perbuatan tersebut (al-Buhuti 1402H: 145). Pandangan ulama mazhab Hanbali ini disokong penuh oleh fuqaha mazhab Hanafi (Ibn Abidin 1399H: 235) dan Shafii (Qalyubi t.th.: 353), bahkan sesetengah ulama mazhab Shafii dan Hanbali menegaskan bahawa kubur yang diwujudkan dalam kawasan masjid wajib dipindahkan ke tempat lain (Ibn Muflīh 1405H: 279; al-Buhuti 1402H: 145). Mereka berhujah dengan sebuah hadis:

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas r.a. katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat wanita-wanita yang menziarahi kubur dan golongan yang membina masjid di atasnya dan meneranginya dengan lampu.

Hadis ini menjelaskan bahawa pembinaan masjid di atas kubur hukumnya adalah haram berdasarkan kepada penggunaan perkataan 'laknat' oleh Nabi SAW dalam hadis di atas.

## KESIMPULAN

Dari sudut kadar peninggian tanah kubur yang dibenarkan syarak, para fuqaha empat mazhab iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali bersepakat bahawa meninggikan kubur hanya disunatkan sekadar sejengkal tangan orang lelaki dewasa sahaja. Sesetengah ulama mazhab Hanafi menjelaskan bahawa jika lebih sedikit atau kurang daripada sejengkal adalah diharuskan. Terdapat juga di kalangan mereka mengatakan kadar sejengkal itu bermaksud empat jari lelaki dewasa sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Manakala dari sudut menambah tanah lain di atas kubur selain daripada tanah asal, para fuqaha daripada empat mazhab bersepakat bahawa adalah *mustahabb* sesebuah kubur itu tidak ditambah tanah lain di atasnya. Manakala jika ditambah juga tanah lain di atasnya, mereka berselisih pandangan adakah ia sampai ke peringkat makruh atau haram? Ibn Hazm al-Zahiri berpendapat tambahan tanah di atas kubur selain daripada tanah yang telah digali adalah haram. Manakala sesetengah ulama mazhab Shafii berpendapat hukumnya tidaklah makruh, bahkan hanya sunnah jika tidak melakukannya. Manakala ulama mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki pula berpendapat amalan tersebut hukumnya adalah makruh. Terdapat juga sesetengah ulama mazhab Hanbali berpendapat menambah tanah selain yang digali adalah diharuskan jika ia amat diperlukan. Jika tidak, hukumnya makruh di sisi mazhab. Manakala sesetengah ulama mazhab Hanafi, antaranya Ibn Abidin berpendapat bahawa menambah tanah selain daripada tanah yang digali, hukumnya adalah makruh *tahrim*.

Manakala dari sudut membina bangunan di atas kubur, maka pandangan yang kuat ialah pandangan yang menyatakan hukumnya adalah makruh *tahrim*. Ini adalah untuk mengelakkan umat Islam bermegah-megah dengan kubur. Daripada perbuatan tersebut juga boleh melahirkan iktiqad yang salah bagi generasi yang datang kemudian. Maka kaedah *sadd al-dhara'i* (سد الذرائع) lebih relevan untuk diaplikasikan dalam hal ini.

Manakala hukum membina kubah, atap dan tiang di sekeliling kubur, maka ulama mazhab Shafii, Hanbali dan Hanafi bersepakat bahawa hukumnya adalah makruh *tahrim* sama seperti hukum membina sesuatu di atas kubur yang berada di atas tanah persendirian, dan mereka bersepakat jika di atas tanah wakaf hukumnya adalah haram.

## RUJUKAN

- Abdullah ibn Umar. 2005. *Ahkam al-maqabir fi al-shari'ah al-Islamiyyah*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawzi.
- Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Shaybah. 1409H. *al-Musannaf fi al-ahadith wa al-athar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdullah ibn Mahmud al-Musili. t.th. *al-Ikhtiyar li ta'lil al-mukhtar*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad ibn Ahmad Qalyubi. t.th. *Qalyubi wa 'Umayrah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad ibn Shuayb al-Nasa'i. *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Khatib al-Sharbini. t.th. *Mughni al-muhtaj*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Ali ibn Bulban Ibn Hibban. 1414H. *Sahih ibn Hibban*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Fakhr al-Din Uthman ibn Ali al-Zayla'i. 1314H. *Tabyin al-haqa'iq sharh kanz al-daqa'iq*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Hajj al-Maliki al-Fasi. t.th. *al-Madkhal*. Kaherah: Maktabat Dar al-Turath.
- al-Fatawa al-Hindiyah*. 1411H Jld. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi dan Muhammad Ibn Abdillah ibn Ahmad. 1406H. *al-Mughni*. al-Qahirah: Matbaat al-Hijrah.
- Ibn Hajar al-Asqalani. t.th. *Fath al-bari*. Kaherah: Dar al-Misri al-Tibaah.
- Izz al-Din Ibn al-Athir. 1990. *Usd al-ghabah fi ma 'rifat al-sahabah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mansur ibn Yunus al-Buhuti. 1402H. *Kashshaf al-qina' 'an matn al-iqna'*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ala al-Din al-Haskafi. 1390H. *al-Durr al-mukhtar sharh tanwir al-absar*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad Amin Ibn Abidin. 1399H. *Radd al-muhtar 'ala al-durr al-mukhtar*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad ibn Muhammad ibn Abd al-Rahman al-Hattab. 1412H. *Mawahib al-jalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ali ibn Ahmad Ibn Hazm. t.th. *al-Muhalla*. Kaherah: Maktabat Dar al-Turath.
- Muhammad ibn Muflis al-Maqdisi. 1405H. *al-Furu'*. Beirut: Maktabat 'Alam al-Kutub.
- Muhammad ibn Ahmad. t.th. *al-Qawanin al-fiqhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Muhammad ibn Ahmad ibn Uthman. 1994. *Siyar a'lam al-nubala'*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Muhammad ibn Ahmad al-Samarqandi. 1414H. *Tuhfat al-fuqaha'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad ibn Idris al-Shafii. t.th. *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad ibn Ali al-Shawkani. t.th. *Nayl al-awtar min ahadith sayyid al-akhyar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muslim Ibn Hajjaj al-Qushayri. 1990. *Sahih al-Imam Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Shams al-Din al-Sarakhsī. 1998. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Sulayman ibn Ashath Abu Dawud. 1992. *Sunan Abi Dawud*. Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- Uthman ibn Muhammad. 1300H. *Hashiyat i'anat al-talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Yahya ibn Sharaf al-Din al-Nawawi. 1990. *Sharh sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khayr.
- 
- \_\_\_\_\_. 1998. *al-Majmu 'sharh al-muhadhab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zayn al-Din al-Hanafi Ibn Nujaym. 1413H. *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Ph.D  
Abdul Basir Mohamad, Ph.D  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
izhar@ukm.my